

23 OCT 1998

Wartawan-Tokoh

AHLI POLITIK BAKAL TERIMA ANUGERAH TOKOH WARTAWAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Seorang bekas wartawan yang juga ahli politik ternama akan menerima anugerah Tokoh Wartawan Negara, anugerah terulung kewartawan Malaysia pada Isnin ini.

Institut Akhbar Malaysia (IAM) dalam kenyataan hari ini berkata sebelum berkecimpung dalam politik sehingga memegang jawatan Ketua Menteri, penerima anugerah itu pernah bertugas dalam bidang persurat-khabaran, antaranya sebagai pemberita, pengarang, penyusun huruf, penghantar akhbar dan penerbit media.

Nama beliau akan diumumkan pada hari penyampaian anugerah tersebut.

Menurut kenyataan itu anugerah berkenaan akan disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis meraikan perwakilan ke Persidangan Kesatuan Akhbar Komanwel di Hotel Shangri-La di sini.

Ini adalah kali keempat sejak 10 tahun lepas anugerah terulung dalam bidang kewartawanan Malaysia dikeluarkan. Penerima sebelum ini ialah tokoh wartawan veteran Tan Sri A. Samad Ismail (1988), Tan Sri Lee Siew Yee (1991) dan Allahyarham Datuk Ishak Haji Mohammad (1995).

Anugerah berkenaan dikeluarkan atas nama IAM bagi pihak wartawan tanah air sebagai mengiktiraf wartawan atau bekas wartawan yang telah memberi sumbangan cemerlang dalam perkembangan kewartawanan tanah air melalui tulisannya yang bermutu.

Kata kenyataan itu lagi Hadiah Kewartawanan Malaysia 1997 (HKM 1997) juga akan diberi kepada 23 wartawan yang layak pada satu majlis berasingan pada Selasa ini.

Pemenang HKM 1997 dibahagikan kepada sembilan kategori iaitu Hadiah Kajai, Hadiah Wartawan Cemerlang, Hadiah Kewartawanan Berita/Rencana, Hadiah Kewartawanan Sukan, Foto Media Terbaik, Hadiah Penulis Majalah Terbaik, Hadiah Kewartawanan Hiburan, Hadiah Kategori Laporan Ekonomi/Kewangan dan Hadiah Kewartawanan TV.

Menurut kenyataan itu hadiah HKM 1997 sebanyak RM121,000 akan disampaikan oleh wakil Petronas, penaja utama hadiah berkenaan.

-- BERNAMA

NY NMO